



Praktis Ekstra Tema 13

PBD**Aspek Tatabahasa**

▶ SP 5.2.1

TP

- A** Baca petikan di bawah dengan teliti and senaraikan **tiga kata sendi nama**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud and penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Patriotisme pada umumnya dikaitkan dengan semangat kecintaan and pengorbanan yang kuat kepada negara. Semangat cinta akan negara ini perlu dipupuk and disemai dalam kalangan remaja kerana semangat itu tidak hadir sendiri tanpa memahami sejarah negara secara jelas. Untuk itu, Kempen Sayangi Negara hendaklah diadakan secara berterusan agar semangat kecintaan rakyat Malaysia terhadap negara bangsa sendiri bertambah mantap.

Kata Sendi Nama	Ayat

- B** Petikan dibawah mengandungi **tiga belas kesalahan bahasa**. Senaraikan and betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga belas kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.

Kaum pendidik memainkan peranan penting untuk melahirkan generasi yang patriotik. Para-para pendidik merupakan golongan paling berkesan walaupun menyuburkan semangat cinta akan negara dengan cara menyemat nilai-nilai murni di dalam jiwa murid-murid sejak di bangku sekolah. Jika sekiranya golongan muda punya jati diri, maka masa depan negara kita akan lebih menjamin and semangat untuk mempertahankan moral negara akan sentiasa wujud. Semangat patriotik merupakan benteng paling kuat dalam mempertahankan kemerdekaan and maruah negara dari segala bentuk ancaman. Oleh itu, ketahanan diri and semangat sayangkan negara perlu dipupuk secara berterusan memanangkan gejala negatif kini semakin menjalar.

Kesalahan Bahasa	Pembetulan
1.	
2.	
3.	
4.	
5.	
6.	
7.	
8.	
9.	
10.	
11.	
12.	
13.	